

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(IX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

14. Kuarters Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Sila senaraikan jumlah unit kuarters Kerajaan Negeri mengikut lokasi dan jenis.
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan unit kuarters untuk kakitangan yang layak?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan sebanyak 1,244 unit kuarters kepada penjawat awam mengikut lokasi dan jenis yang diuruskan oleh 15 jabatan di bawah Kerajaan Negeri.
- (a) Pecahan kuarters mengikut lokasi dan jenis adalah seperti di **Lampiran A**.
  - (b) Setakat ini, tiada cadangan penambahan kuarters buat masa ini bagi Jabatan / Agensi kecuali Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang. Permohonan baharu telah dibuat bagi cadangan membina sebuah kuarters Jurutera Daerah Barat Daya di atas Lot 378 dan 380, Mukim E, Daerah Barat Daya. Status terkini kuarters negeri tersebut masih di peringkat pertimbangan Jawatankuasa Aset Kerajaan Negeri untuk bajet pembangunan negeri P.12 Tahun 2019 dengan anggaran kos projek RM 5,670,000.00.